

71 peratus pencarum bersara di bawah paras kemiskinan

PM perjelas pengeluaran KWSP burukkan isu ketidakcukupan simpanan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 71 peratus atau lebih dua pertiga ahli yang aktif mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berusia 55 tahun dan ke bawah, berada dalam situasi serius, yang mana jumlah dana tidak mencukupi untuk bersara melebihi paras kemiskinan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia susulan empat pengeluaran khas KWSP ketika pandemik COVID-19.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, bilangan ahli aktif yang mencapai Simpanan Asas (RM240,000 pada usia 55 tahun) menurun daripada 36 peratus pada 2020 kepada 29 peratus pada akhir 2022.

"KWSP mengangankan, ahli perlu bekerja tambahan empat tahun hingga enam tahun untuk

membina semula simpanan yang dikeluarkan ketika pandemik," katanya melalui jawapan bertulis, di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk • Seri Amirudin Shari (PH-Gombak), yang meminta Menteri Kewangan menyatakan pendirian kerajaan terhadap pengeluaran wang KWSP sebagai langkah bantuan kewangan.

KWSP laksana 4 pengeluaran

Sebelum ini, KWSP melaksanakan empat kemudahan pengeluaran berkaitan COVID-19, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan Pengeluaran Khas, bagi membantu kelangsungan hidup ahli dalam menempuhi cabaran dan impak akibat pandemik COVID-19.

Perdana Menteri berkata, sebarang pengeluaran tambahan baharu, sama ada secara bersasar atau terbuka, akan memburukkan lagi isu ketidakcukupan simpanan persaraan ahli, yang ketika ini berada di tahap yang amat membimbangkan.

Malah, katanya, pengeluaran tambahan baharu KWSP boleh menyebabkan kekangan penyeritaan dalam peluang pelaburan baharu dan akan memberikan kesan secara langsung dari segi

kehilangan potensi pulangan.

Keadaan itu, juga, katanya, secara jangka panjang akan menjejaskan peluang bagi menjana pendapatan untuk tujuan pembayaran dividen kepada ahli pada masa hadapan.

"Sehingga 31 Disember lalu, seramai 6.7 juta ahli atau 51 peratus daripada keseluruhan ahli KWSP di bawah umur 55 tahun hanya mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000 di dalam akaun selepas pengeluaran berkenaan.

"Jumlah ini menyebabkan ahli memperoleh pendapatan persaraan yang kurang daripada RM42 sebulan untuk tempoh 20 tahun," katanya.

Pada masa sama, Anwar berkata, mereka membuat sekurang-kurangnya satu pengeluaran daripada empat kemudahan pengeluaran yang disediakan, membabitkan jumlah pengeluaran keseluruhan bernilai RM145 bilion.

Beliau berkata, isu ketidakcukupan simpanan KWSP perlu diberi perhatian yang serius ketika negara kini sedang menginjak ke arah status negara tua kerana ia bakal memberi impak yang amat besar kepada negara dan rakyat, terutamanya dari segi ekonomi, produktiviti, kesejahteraan sosial, kualiti hidup dan kesihatan.